

Headline	THT raih kemenangan sulung tewaskan TNB Thunderbolt		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Sukan	Page No	54
ArticleSize	237 cm ²	Journalist	MOHD.
PR Value	RM 18,450		



FITRI (kanan) turut menjaringkan gol ketika THT menewaskan TNB Thunderbolt 4-0 pada aksi MHL di Stadium Hoki Batu Buruk, Kuala Terengganu semalam.

THT raih kemenangan sulung tewaskan TNB Thunderbolt

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

PASUKAN Hoki Terengganu (THT) meraih kemenangan sulung selepas menewaskan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Thunderbolt 4-0 pada aksi kedua Liga Hoki Malaysia (MHL) di Stadium Hoki Batu Buruk, Kuala Terengganu semalam.

Hujan lebat membataskan pergerakan kedua-dua pasukan dengan tuan rumah hanya mendapat pukulan sudut penalti pertama pada minit ke-12, namun disia-siakan pakar flik Korea Selatan, Jang Jong-hyun.

THT yang juga juara bertahan MHL akhirnya berjaya memecah kebuntuan menerusi penyerang kebangsaan, Faizal Saari apabila menyempurnakan penalti stroke pada minit ke-18.

Selang enam minit kemudian, Jong-

hyun berjaya meledak gol kedua THT pada minit ke-24 menerusi pukulan sudut penalti.

Separuh masa kedua berlangsung hambar sebelum THT memperoleh gol ketiga menerusi kapten pasukan, Fitri Saari yang mudah menolak masuk *penalty stroke* pada minit ke-49.

Bekas pemain kebangsaan, Muhammad Rashif Baharom melengkapkan kemenangan THT apabila meledak jarangka keempat menerusi gol padang pada minit ke-59.

Jurulatih THT, I. Vikneswaran jelas berpuas hati selepas menyaksikan pemainnya semakin serasi bersama dan mendapat rentak permainan menerusi taktikal yang diterapkan.

“Saya harap ia menjadi pemangkin untuk terus mencapai rentak kemenangan pada aksi seterusnya,” katanya.